

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 9 TAHUN 2022**

Tarikh : **29 September 2022 (Khamis)**

Masa : **9.00 pagi – 10.55 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN SEPTEMBER 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan September 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kesembilan tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ telah berjaya menganjurkan seminar *Subang Jaya City : Climate Change Action Approach* yang telah diadakan pada 26 September 2022, bertempat di Four Points By Sheraton Puchong. Kehadiran peserta seminar adalah seramai 150 orang yang terdiri daripada ADUN, pengurusan tertinggi, Ahli Majlis dan semua pegawai kumpulan A MBSJ.

MBSJ juga turut menjemput wakil daripada PBT di Selangor dan DBKL bagi bersama-sama pihak Majlis memperolehi pendedahan dengan lebih mendalam mengenai perubahan iklim dan kepentingan pelan tindakan perubahan iklim agar inisiatif terhadap perubahan iklim dapat dilaksanakan oleh semua PBT di Negeri Selangor dan kesan manfaatnya dapat dirasai oleh keseluruhan penduduk Negeri Selangor kelak.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor, yang juga ADUN bagi kawasan Kinrara, YB Tuan Ng Sze Han telah menyampaikan ucapan sekaligus merasmikan seminar *Subang Jaya City : Climate Change Action Approach*.

Seminar ini turut melibatkan 5 pembentangan yang terdiri daripada profesional-profesional dalam bidang perubahan iklim, iaitu :

- i. TPr Ts Norliza binti Hashim dari Urbanisce Malaysia dengan tajuk pembentangan *Cities and Climate*;
- ii. Encik Ismail bin Haji Abdullah dari International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd.(IGTC) dengan tajuk pembentangan *Pionering Private Driven Climate Change Initiative In Subang Jaya*;
- iii. Encik Cheng Jew Keng dari pemaju Sunway Property & Facilities dengan tajuk pembentangan *Integrated ESG-SDG Climate Approach : The Experience of Sunway Corporation*;
- iv. Cik Jacqueline Chang dari Global Covenant Of Mayor For Climate and Energy (GCoM) dengan tajuk pembentangan *Global Programmes Related To Mayors and Cities In 4 Regions*; dan
- v. Datuk Bandar MBSJ juga turut sama berkongsi pengalaman dan usaha MBSJ dalam perancangan menangani isu dan cabaran perubahan iklim dengan tajuk pembentangan *Subang Jaya Science Based Climate Action Plan*.

Seminar pendekatan tindakan perubahan iklim turut membincangkan perkara berikut :

- i. Kepentingan *Sustainable Development Goals (SDG)* & *Environmental Social Governance (ESG)* dalam merangka

tindakan perubahan iklim untuk menjadikan MBSJ sebagai PBT Peneraju dan kehadapan ke arah inisiatif terhadap perubahan iklim mencapai pembangunan mampan dengan komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang tahun 2030 selaras dengan komitmen negara kepada *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC).

- ii. Pelaksanaan pengukuran prestasi kadar penggunaan tenaga dan kadar pelepasan karbon bagi setiap bangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya melalui sistem yang telah dirangka oleh Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Teknologi Maklumat dan Perunding IGTC Sdn. Bhd. iaitu sistem *Green House Gas Inventory System (GIMS)*.
- iii. Kepentingan pengurangan karbon serta keperluan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam bersama menangani tindakan perubahan iklim melalui inisiatif atau kaedah pendekatan *Private – Driven Climate Action* bagi membantu pihak industri melaksanakan *Science - based Targets Initiative (SBTi)* di dalam program ESG mereka sekaligus membantu Subang Jaya mencapai status Ekonomi Sifar Bersih Karbon di masa akan datang.

- iv. Pendekatan *Science - based Climate Action Plan* dalam merealisasikan visi Subang Jaya sebagai Bandar Rendah Karbon dan Mampan menjelang 2035 serta hasrat untuk matlamat jangka panjang MBSJ menjadi Bandaraya *Net Zero Carbon Emission City* 2050.

MBSJ juga telah menandatangani Borang Keahlian *Global Covenant Of Mayor For Climate & Energy Commitment* (GCoM).

Dengan kejayaan penganjuran seminar ini, Jabatan Perancangan Bandar MBSJ akan menganjurkan seminar antarabangsa bertajuk '*Climate Resilient Cities*' dengan kerjasama Jeffery Sachs Center on Sustainable Development dan Malaysian Institute of Planners serta beberapa agensi kerajaan dan NGO di Malaysia dan Antarabangsa.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah membuat pelancaran *Greenhouse Gas Inventory Management System* (GIMS) yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han selepas perasmian seminar *Subang Jaya City : Climate Change Action Approach*.

Dalam menuju ke arah MBSJ Bandar Pintar dan memastikan inventori *GreenHouse Gas* (GHG) ini dapat dikumpul dengan mudah dan bersistematik serta menarik minat semua pemegang taruh terutama komuniti di kawasan pentadbiran MBSJ untuk memberikan

maklumat, MBSJ telah membangunkan *GreenHouse Gas Inventory Management System* (GIMS).

Penghasilan sistem GIMS ini adalah mengikut Piawaian *Global Protocol of Community-Scale Greenhouse Gases Emission Inventory* (GPC) melalui pendekatan komprehensif (IPCC Tier-3) untuk semua sektor ekonomi serta mengikut skop yang telah ditetapkan oleh pihak *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) bertujuan untuk membantu pengurusan karbon dalam melaksanakan tindakan perubahan iklim dan kemampanan secara '*evidence-based planning and actions*' serta selari dengan pelaporan di peringkat Negara iaitu *National Low Carbon City Masterplan* (NLCCM) dan pelaporan diperingkat Antarabangsa iaitu *The Global Covenant of Mayors* (GCM), *Common Reporting Framework* (CRF) dan *Carbon Disclosure Project* (CDP).

Berdasarkan inovasi yang telah dibuat dalam pembangunan GIMS, pihak Majlis melalui Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Teknologi Maklumat dan perunding International Green Trends Cockpit Sdn.Bhd. (IGTC) telah menyertai *MIP Planning Excellence Award 2022(MIPPEA 2022)* pada 22 September 2022. Semoga MBSJ berjaya memperoleh kemenangan dalam pertandingan ini.

- iii) Datuk Bandar juga memaklumkan tentang bas Smart Selangor MBSJ merupakan salah satu inisiatif dalam menyokong pembangunan mampan. Pengangkutan telah dikenalpasti sebagai

antara sektor terbesar yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gases-GHG) ke ruang atmosfera yang menyebabkan pencemaran udara dan perubahan iklim dunia.

Naratif kepentingan pengangkutan awam terhadap alam sekitar harus disampaikan kepada penduduk MBSJ terutama pelajar bagi menarik minat dan memupuk pemikiran yang positif terhadap penggunaan pengangkutan awam.

Pada masa ini Subang Jaya yang juga dikenali sebagai hub pendidikan Selangor mempunyai berbagai universiti, kolej dan sekolah. Kewujudan institusi pendidikan awam dan swasta dalam berbagai peringkat dan bidang adalah sangat penting bagi sesebuah bandar untuk mencapai cita-cita menjadi bandaraya yang maju dan mampan. Ini adalah kerana asas kepada pembangunan mampan adalah berlandaskan kepada tahap pendidikan penduduk di bandar tersebut.

Sehubungan itu, selain pendedahan melalui pendidikan di institusi pendidikan, pendedahan melalui galakan pelajar menggunakan pengangkutan awam juga diperlukan. Bermula pada tahun 2015 inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan perkhidmatan bas percuma kepada rakyat sebagai inisiatif menggalakan penggunaan pengangkutan awam disambut baik oleh pihak MBSJ .

Ini adalah selaras dengan Matlamat 9 dan 11 dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) untuk menyediakan sistem pengangkutan mampan dan efisien yang bukan sahaja dapat memacu pembangunan sosio ekonomi negara, malah dapat meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Dengan kos sebanyak RM36,505,032.00 yang dikongsi bersama Kerajaan Negeri Selangor bermula daripada tahun 2015 hingga 2022, MBSJ telah menyediakan sebanyak 5 laluan Bas Smart Selangor dengan setiap laluan mempunyai 4 buah bas menjadikan keseluruhan Bas Smart Selangor MBSJ sebanyak 20 buah bas. Secara keseluruhannya, jumlah bilangan penumpang daripada mula pelaksanaan program perkhidmatan Bas Smart Selangor sehingga tahun 2022 adalah seramai 10,557,543 orang.

Laluan Bas Smart Selangor MBSJ yang dipilih adalah laluan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas oleh operator sedia ada dan melalui kawasan tumpuan seperti kawasan perniagaan dan kawasan kemudahan seperti sekolah dan institusi pendidikan.

Kriteria penting dalam pemilihan laluan adalah “*connectivity*” dengan sistem pengangkutan awam lain seperti komuter, LRT/MRT dan BRT. Kesalinghubungan di antara perkhidmatan pengangkutan awam ini akan membantu melengkapkan jaringan pengangkutan awam yang lebih baik di MBSJ.

Setiap laluan Bas Smart Selangor MBSJ melalui kawasan sekolah dan institusi pendidikan seperti berikut :

- SJ 01 melalui 7 sekolah iaitu SRK Seafield (USJ 6), SM Agama Bistari (USJ 5), SJK (C) Lick Hung (SS 19), SRK SS19 Subang Jaya (SS 19), SRK Perdana Jaya (SS 19), Sekolah Agama Integrasi Masjid Darul Ehsan (SS 15) dan SMK Subang Utama (SS 18).
 - SJ 02 melalui 3 sekolah iaitu SRK Subang Jaya (SS 14), SRK Bandar Sunway (PJS 7), SMK Bandar Sunway (PJS 7).
 - SJ 03 melalui 7 sekolah iaitu SMK Seksyen 1 Bandar Kinrara, SRK Seksyen 1 Bandar Kinrara, SK Jenis Keb (C) Yak Chee, SMK Batu 8 (Bandar Puchong Jaya, SMK Bandar Puchong Jaya A, SJK (T) Kinrara.
 - SJ 04 melalui 2 sekolah dan 1 universiti iaitu SMK Seri Serdang, SJK (C) Serdang Baru 2 dan Universiti Putra Malaysia.
 - SJ 05 melalui 2 sekolah iaitu SRK Taman Universiti Indah dan SR Jenis Keb (C) Serdang Baru 1.
- iv) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah melancarkan Kempen Jom Bayar ‘SEGERA’ Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan MBSJ bagi Tahun 2023. Sehubungan itu, bagi memastikan kempen ini berjalan dengan lancar dan teratur,

MBSJ telah memperluaskan perkhidmatan ini secara dalam talian (*Online*) dengan memperkenalkan kaedah mudah, mesra dan ke arah digitalisasi bagi melaksanakan pembaharuan dan pembayaran lesen tanpa log masuk menerusi pautan ezy.mbsj.gov.my.

Pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan melalui kaedah dalam talian ini amatlah digalakkan serta mengikut kehendak pelanggan pada masa kini, sekaligus dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Selain menjimatkan kos, pelanggan turut bebas melaksanakan transaksi di mana-mana sahaja tanpa waktu yang terhad.

Tatacara pembaharuan dan pembayaran lesen melalui pautan ezy.mbsj.gov.my telah disediakan sebagai pemudahcara kepada pelanggan. Sila layari www.mbsj.gov.my untuk info lanjut.

- v) Pemakluman berkenaan Program Selamat Pagi Subang Jaya; Hari Tanpa Kenderaan akan diadakan pada setiap bulan iaitu pada hari Ahad minggu pertama. Program pada bulan Oktober akan diadakan pada 2 Oktober 2022 dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi di hadapan AEON Big. Laluan yang terlibat adalah di sepanjang Persiaran Kemajuan dan Jalan SS16/1, Subang Jaya meliputi jarak 2 kilometer.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang akan diadakan seperti kayuhan santai, larian dan berjalan santai, juara memanah, pasar karat, tarian kecerdasan, pertandingan larian berganti, pertandingan street soccer Liga Datuk Bandar, pemuzik jalanan, rekfleksologi, pemeriksaan kesihatan percuma, demo memasak, pesta sarapan dan lain – lain lagi.

Warga kerja serta penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dijemput hadir bersama-sama bagi memeriahkan program tersebut.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa bersempena dengan sambutan *World Cleanup Day* yang disambut setiap tahun pada minggu ketiga bulan September, MBSJ turut sama mengambil bahagian menjayakan program ini yang bertemakan *This Is The Only Home We Have*.

Pada 15 September 2022 yang lalu, seramai 66 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan MBSJ dan Sunway Resort telah menyertai program ini di Sunway Metro, Sunway. Sebanyak 71.8 kg sampah keseluruhan telah dikutip iaitu 41.5 kg sampah dan 30.3 kg barang kitar semula.

Manakala pada 17 September 2022 pula, seramai 85 orang peserta yang terdiri dari kakitangan MBSJ bersama sukarelawan daripada MPP MBSJ Zon 12, KDEBWM, Malaysian Humanitarian Foundation dan S4Ms telah menjayakan program ini di Tasik Sri

Aman, Puchong. Sebanyak 448.3 kg sampah dan 48.8 kg barangang kitar semula telah dikutip menjadikan jumlah keseluruhan sampah adalah sebanyak 497.10 kg.

Program ini di harap dapat memupuk semangat kerjasama penduduk dalam memastikan kebersihan kawasan sekitar di samping menjadikan kitar semula sebagai amalan sehari-hari kita.

- vii) Datuk Bandar berkongsi tentang Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang telah berlangsung pada 16 September hingga 24 September 2022. Kontinjen Negeri Selangor telah menyertai Temasya SUKMA 2022 ini dengan mengambil bahagian dalam 31 acara sukan yang dipertandingkan. Kontinjen ini telah berjaya membawa pulang keseluruhan sebanyak 130 pingat iaitu 31 emas, 55 perak dan 44 gangsa.

MBSJ telah menjadi Bapa Angkat Sukan bagi sukan Ragbi Lelaki, Ragbi Wanita dan Kriket. Sukan Ragbi Lelaki buat julung kalinya telah menamatkan kemarau pingat selama 10 tahun manakala Ragbi Wanita memperoleh pingat Perak dan Pasukan Kriket pingat Gangsa.

- viii) Datuk Bandar menjelaskan tentang persediaan MBSJ bagi menghadapi perubahan iklim Monsun Timur Laut yang dijangkakan bermula pada bulan Oktober 2022 sehingga Mac 2023. MBSJ telah

bersiap siaga dari segi aspek aset, fasiliti dan juga anggota yang bertugas.

Anggota PANTAS MBSJ telah dipersiapkan dengan latihan dalam menghadapi cabaran menyelamat di air. Latihan Pengurusan Bencana Menyelamat Di Air telah diadakan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor pada 22 hingga 23 September 2022 bertempat di Tasik Puchong Prima. Latihan ini melibatkan seramai 90 anggota yang terdiri daripada 57 anggota Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MBSJ, 23 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor dan 9 anggota Pejabat Tanah dan Galian Daerah Petaling.

- ix) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 38 iaitu antara 18 September hingga 24 September 2022, terdapat peningkatan kes demam denggi secara keseluruhan di Malaysia dengan hampir semua Negeri menunjukkan peningkatan kes demam denggi. Negeri Selangor masih lagi merupakan penyumbang utama kes demam denggi di Malaysia.

Data kes yang dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ terdapat sebanyak 3,128 kes positif demam denggi. Sebanyak 7 lokaliti *hotspot* denggi telah di kesan di kawasan pentadbiran MBSJ iaitu di kawasan SS19/1 (8 kes), Pangsapuri Angsana USJ 1 (10 kes), Flat Puchong Perdana (9 kes), Puchong Utama (10 kes), Flat

Bandar Bukit Puchong (4 kes), Taman Puncak Jalil 2 (9 kes) dan Bandar Kinrara 4 (18 kes).

Masyarakat diingatkan dan diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan supaya membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellent apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2022 bertarikh 26 Ogos 2022 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2022 bertarikh 26 Ogos 2022 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2022 bertarikh 7 September 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1.5 (v) & m/s 17	Encik Yap Kok Weng	Laporan Perbelanjaan Inden MPP Sehingga 1 Ogos 2022	<p>Beliau memaklumkan bahawa bagi projek inden masih mempunyai baki peruntukan. Beliau memohon penjelasan sama ada baki tersebut boleh dituntut atau tidak.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa baki sehingga 28 September 2022 adalah sebanyak RM 274,458.44 dan memutuskan permohonan terhadap baki</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>peruntukan perbelanjaan inden akan dilanjutkan tempoh selama 2 minggu sahaja iaitu sehingga 14 Oktober 2022 sebelum jam 4.00 petang. Keutamaan akan diberikan kepada MPP yang masih mempunyai baki peruntukan. Permohonan ini mengambil kira faktor '<i>first come, first serve</i>'.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 7.6 & m/s 25	Encik Yap Kok Weng	Program Ziarah Kasih Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk	Beliau memohon penjelasan mengenai tarikh pelaksanaan program ini bagi memberi ruang kepada MPP untuk menyenaraikan 15 keluarga yang layak di zon masing-masing.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Sempena Ulang Tahun Ke-2 MBSJ 2022	<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa program ini akan dilaksanakan pada bulan November 2022.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 16/2022 bertarikh 23 Ogos 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.8 & m/s 35	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Kerja : 114/16/76/2022 : Permohonan Serentak Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	Beliau memaklumkan bahawa keadaan trafik di kawasan tersebut adalah sesak pada waktu puncak. Sekolah rendah dan menengah antarabangsa ini akan menyebabkan keadaan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bertambah teruk. Beliau mencadangkan supaya dilaksanakan <i>Traffic Impact Assessment</i> (TIA) bagi permohonan ini.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan dan MBSJ telah mensyaratkan supaya pemohon melaksanakan pindaan lokasi <i>drop off / pick up point</i> serta cadangan akses dan sirkulasi bagi memastikan aliran trafik di kawasan sekolah berjalan lancar.</p> <p><i>Traffic Impact Assessment</i> (TIA) tidak disyaratkan bagi permohonan ini dan kos bagi menyediakan TIA adalah tinggi.</p> <p>Makluman</p>

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 17/2022 bertarikh 8 September 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 Bertarikh 12 September
2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 Bertarikh 22 September
2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,
Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya
Subang Jaya Bil. 10/2022 Bertarikh 23 September 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan
Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.
6/2022 Bertarikh 23 September 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 Bertarikh
26 September 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2022 Bertarikh 27 September 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 9	Encik Wong Yii Seang	Kertas Makluman Mengemaskini Syarat Pematuhan Lesen Perniagaan Bagi Premis Makanan dan Penyediaan Makanan	Beliau mencadangkan perkara berikut : i) Mengkaji semula syarat mewajibkan semua pemilik premis makanan (restoran) membayar caj sisa restoran kerana akan memberi impak dan menyukarkan pemilik restoran kecil. ii) Adakah pihak Majlis mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk membuat semakan terhadap permohonan pengecualian caj sisa restoran?

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>iii) Pihak Majlis perlu melihat dan mengkaji kaedah penyelesaian bagi restoran tidak berlesen yang menyebabkan Majlis kehilangan pendapatan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya syarat pematuhan lesen perniagaan bagi premis makanan dan penyediaan makanan berkaitan caj sisa restoran dibincangkan semula serta diperhalusi dan diteliti dalam Mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pengurusan Alam Sekitar/Jabatan Pelesenan</p>

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Jaafar bin Mat Akid, wakil daripada Parti AMANAH.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.55 pagi.

Tarikh Disediakan : 3 Oktober 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

- | | | |
|----|---|---------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar | - Pengerusi |
| 2. | YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timblan Datuk Bandar | - Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | YBrs.Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.
Timbalan Setiausaha | |

HADIR (AHLI MAJLIS)

- | | | |
|----|------------------------------------|---------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - " |
| 3. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - " |
| 4. | Encik Wong Yii Seang | - " |
| 5. | Puan Ng Seow Chen | - Ahli Majlis |
| 6. | Encik Thong Kim Fatt | - " |
| 7. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - " |
| 8. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - " |
| 9. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - " |

10.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
11.	Encik Kenneth Sam a/l Saminathan	-	"
12.	Cik Syafiqah binti Zakaria	-	"
13.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
14.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
15.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

HADIR DALAM TALIAN (AHLI MAJLIS)

1.	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	-	Ahli Majlis
2.	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	-	"
3.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
4.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	"
5.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
6.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

3. Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Tuan Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
15. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC

16. Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Encik Mohd Azrel bin Mohamad Islan
Penolong Juruaudit Kanan, Unit Audit Dalam

HADIR DALAM TALIAN (PEGAWAI MBSJ)

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | |
|--|---|-------------|
| 1. Encik Chia Yew Ken | - | Ahli Majlis |
| 2. Encik Teh Eng Teck | - | " |
| 3. Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 4. Puan Hajah Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam | | |

URUSETIA

1. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan